



LENSA



Bandar Raya JB

LENSA MBJB BIL. 3/2019

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI



MAJLIS PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN 2019 NEGERI JOHOR

MBJB, JOHAN KESELURUHAN

MAJLIS PERBARISAN & PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KE-62 PERINGKAT NEGERI JOHOR



QR code (penerbitan rasmi mbjb)



OPERASI BANCIAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN



PROGRAM SANTAI ILMU & CERAMAH PERDANA



MAJLIS MAKAN MALAM AMAL



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

- 3 >> MBBJ TERIMA PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 9001 : 2015
>> 'MBJB COLOUR RUN 2019'
- 4 >> ANUGERAH EMAS, HARUMKAN NAMA MBBJ
>> MBBJ TERIMA SURAT PENGHARGAAN PDRM
- 5 >> OPERASI CUKAI HARTA BANTERAS PEMILIK INGKAR
>> AHLI MAJLIS BAHARU MBBJ ANGKAT SUMPAAH
- 6 >> OPS BANDAR RAYA
- 7 >> KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2019
>> MBBJ TERIMA KUNJUNGAN YB EXCO
- 8 >> INFO LAWATAN
- 9 >> INFO KURSUS
- 10 >> 'MAGIC SENSE RUN'
>> 'WALKABOUT' DATUK BANDAR KE PASAR MALAM DI JOHOR BAHRU
- 11 >> ISU KEBAKARAN HUTAN
- 12 >> PROGRAM 'QURBAN' PERINGKAT MBBJ
- 13 >> PERASMIAN MINGGU PENDIDIKAN KHAS
>> MBBJ, JOHAN KESELURUHAN PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-62
- 14 >> KILAS LENSEA
- 15 >> MAJLIS 'TOWNHALL' PENIAGA BAZAR JB 2019
>> PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM (RKK) PERINDUSTRIAN
- 16 & 17 >> PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 >> LAMAN JAUHAR MBBJ HIASI 'ROYAL FLORIA' PUTRAJAYA 2019
>> MBBJ SERTA KOLABORASI ANJUR HARI DENGKI ASEAN
- 19 >> PROGRAM 'ECO FRENZ' , PUPUK SIKAR CINTAI ALAM SEKITAR
>> PROGRAM CERAMAH PERDANA : SANTAI ILMU
- 20 & 21 >> MBBJ SANA SINI
- 22 >> MAJLIS MAKAN MALAM AMAL MBBJ
- 23 >> LENSEA SUKAN BANDAR RAYA

PENAUNG

YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Abdul Malik bin Haji Ismail
Setiausaha

Ir. Puan Hajah Nazatul Shima
binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Norasmah binti
Mohd Adros

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

PEJABAT DATUK BANDAR		JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN		JABATAN LANDSKAP	
Pejabat Am	07-228 2600	Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan	07-219 8371	Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap	07-228 2635
PEJABAT SETIAUSAHA		Bahagian Pentadbiran	07-219 8359	Bahagian Taman Awam	07-228 2636
Pejabat Am	07-228 2625	Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8069	Bahagian Arborikultur	07-217 4575
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA		Bahagian Sumber Manusia	07-219 8183	Bahagian Hortikultur	07-216 7964
Pejabat Am	07-219 8105	Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8097	JABATAN KEJURUTERAAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM		Unit Dasar, Inovasi & Latihan	07-219 8171/ 07-219 8114	Pejabat Pengarah Kejuruteraan	07-228 2596
Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8060	Unit Mesyuarat	07-228 2610	Pejabat Am	07-228 2597
Unit Perhubungan Awam (Aduan)	07-219 8061	JABATAN KEWANGAN		Bahagian Pengangkutan Bandar	07-227 7235
Unit Korporat & Penerbitan	07-219 8052	Pejabat Pengarah Kewangan	07-219 8091	Bahagian Kejuruteraan Awam	07-219 8131
Unit Penswastan & Pelaburan	07-228 2627	Bahagian Hasil	07-219 8050	Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC	07-351 1503
BAHAGIAN AUDIT DALAM		Bahagian Perbelanjaan	07-219 8093	Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin)	07-351 3262
Pejabat Am	07-219 8311	Unit Letak Kereta	07-219 8077	Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai	07-219 8125
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG		JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA		JABATAN KESIHATAN	
Pejabat Penasihat Undang-Undang	07-219 8302	Pejabat Pengarah Penilaian	07-219 8223	Pejabat Pengarah Kesihatan	07-228 2619
Pejabat Am	07-219 8305	Bahagian Penilaian	07-227 1055	Bahagian Kesihatan Awam	07-228 2564
Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru)	07-228 2643	Bahagian Pengurusan Harta	07-223 8469	Klinik Bandaraya (JOTIC)	07-228 2630
BAHAGIAN INTEGRITI		Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan	07-222 9962	Bahagian Kesihatan Alam Sekitar	07-228 2605
Pejabat Am	07-219 8117	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN		JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)		Pejabat Pengarah Perancangan	07-227 1029	Pejabat Pengarah Pelesenan	07-228 2563
Pejabat Am	07-223 8531	Bahagian Kawalan Perancangan	07-219 8218	Bahagian Pelesenan	07-228 2501
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)		Bahagian Rancangan Pemajuan	07-219 8245	Bahagian Penjaja	07-227 7576
Pejabat Am	07-222 4923	JABATAN BANGUNAN		Unit Iklan	07-228 2562
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN		Bahagian Kawalan Bangunan	07-228 2511	JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN	
Pejabat Am	07-219 8229	Bahagian Penguatkuasaan Bangunan	07-219 8237	Pejabat Pengarah Kemasyarakatan	07-223 1026
Direktorat Penguatkuasa (Segget)	07-226 1025	Bahagian Projek Bangunan	07-219 8145	Bahagian Sukan & Pelancongan	07-224 6708
				Bahagian Sosial & Kebudayaan	07-224 4139
				Perpustakaan Sultan Ismail	07-239 1791

MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 9001 : 2015 SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

1 - 3 Julai 2019 - Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 telah dilaksanakan oleh Pasukan Audit dari SIRIM Qas International Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk menilai dan menentu sah keberkesanan sistem pengurusan kualiti (SPK) organisasi kepada standard ISO 9001 ; dan menilai kemampuan sistem pengurusan kualiti organisasi MBJB agar mencapai objektif yang ditetapkan secara berterusan.

Kriteria auditan merangkumi aspek berdasarkan standard MS ISO 9001: 2015, semakan dokumen-dokumen sistem pengurusan kualiti (SPK) dan akta yang berkaitan, sebelum hasil penemuan secara lisan mahupun bertulis dibentangkan.

Seramai tiga orang juruaudit dari SIRIM Qas International Sdn. Bhd. melaksanakan auditan ke atas MBJB iaitu YM Tengku Aidil Al'Haj bin Tengku Amiruddin selaku Ketua Pasukan Audit, Hajah Hanida binti Ghazali dan Puan Kamsiah binti Mansoor. Tahniah dan syabas kepada MBJB kerana berjaya menerima pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001: 2015 daripada SIRIM Qas International Sdn. Bhd.



MBJB 'COLOUR RUN' 2019

Larian Warna-Warni Sasar Lebih 2,500 Peserta

6 Julai 2019 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama JomRun Sdn. Bhd. telah mengadakan program MBJB Colour Run serentak dengan program JB Wake Up! Car Free Day. Program larian warna-warni yang diadakan seawal jam 7.00 pagi di hadapan bangunan MBJB ini telah berjaya menghimpunkan kira-kira 2,500 peserta.

Penyertaan larian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu lima kilometer dan 10 kilometer. Acara pelepasan (flag off) peserta larian ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Amran bin A.Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, disaksikan oleh barisan dif kehormat yang turut serta dalam program berkenaan.

Selain acara larian tersebut, turut diadakan aktiviti seperti zumba, acara liga kampung (permainan tradisional) dan sukan memanah melalui slot program JB Wake Up! Car Free Day yang turut diadakan pada hari yang sama.

Program ini diadakan bertujuan menggalakkan masyarakat khususnya warga bandar raya Johor Bahru untuk mengamalkan gaya hidup sihat di samping melahirkan rasa hidup bersatu-padu dan bekerjasama antara satu sama lain. Selain itu, penganjuran program ini juga merupakan salah satu usaha menjadikan Johor Bahru dan negeri Johor sebagai lokasi hab pelancongan sukan antarabangsa dan seterusnya mempromosikan 'Tahun Melawat Johor 2020'.

ANUGERAH EMAS, HARUMKAN NAMA MBBJ

'Team MBBJ' cemerlang dalam Konvensyen Team Excellence Wilayah (RTEx) 2019 Wilayah Selatan

8 & 9 Julai 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru sekali lagi menempa nama dan kejayaan dalam pertandingan Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Selatan (RTEx) 2019 yang diadakan di Ramada Plaza, Melaka apabila dua buah pasukannya iaitu Kumpulan 'Invictus' dari Jabatan Khidmat Pengurusan dan 'AC' dari Jabatan Kejuruteraan telah berjaya memperoleh dua Anugerah Emas (Gold Award) berdasarkan kejayaan mempersembahkan tajuk projek inovasi masing-masing. Konvensyen anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini bertujuan membolehkan para peserta mempersembahkan projek penambahbaikan yang dihasilkan dengan menggunakan alat-alat kualiti dan teknik yang bersesuaian untuk diberi penilaian dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan terhadap usaha cemerlang yang telah dilaksanakan dalam aktiviti Team Excellence (ICC/5S/Lean).

Kumpulan 'Invictus' membawa projek berjudul 'Kesukaran Merujuk Dasar-Dasar Yang Telah Diluluskan Oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru', manakala kumpulan 'AC' telah membawa projek bertajuk 'Kekerapan Kerosakan Komponen Dalam Tiang Lampu Jalan Meningkatkan Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru'. Penilaian ke atas pembentangan kertas projek peserta selama 30 minit tersebut dinilai berdasarkan kriteria seperti pengenalan, pemilihan projek dan definisi, analisis peluang penambahbaikan, cadangan pelaksanaan kreatif dan inovatif, pemantauan dan piawaian, pencapaian dan penciptaan nilai dan persembahan.

Konvensyen tersebut telah dirasmikan pembukaannya oleh YBrs. Puan Hajah Roziana Haji Othman, Pengarah Wilayah MPC Wilayah Selatan, manakala majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Hanafi bin Sakri, Pegawai Kewangan Negeri Melaka.



MBJB TERIMA SURAT PENGHARGAAN PDRM

14 Julai 2019 – YDH Datuk Mohd Kamarudin Md Din, Ketua Polis Johor telah menyampaikan Surat Penghargaan kepada YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBBJ dan Pn. Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ bersempena Upacara Perbarisan dan Majlis Serah Terima Tugas oleh YDH CP Datuk Mohd Khalil Kader Mohd yang berlangsung di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor.

Surat Penghargaan ini diberikan atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru terhadap pasukan Polis Diraja Malaysia terutamanya kepada IPK Johor. Dua lagi anggota MBBJ yang turut menerima Surat Penghargaan tersebut ialah Encik Mohd Nazri bin Tongal, Penolong Pengarah Penguatkuasa 1 dan Encik Marzuki bin Pon, Pembantu Penguatkuasa. Tahniah diucapkan!



Datuk Bandar Johor Bahru turut menerima kunjungan hormat daripada YDH Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, mantan Ketua Polis Johor yang kini berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



OPERASI CUKAI HARTA BANTERAS PEMILIK INKAR

16 & 24 Julai 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru giat melakukan operasi sitaan cukai harta di beberapa buah kawasan perindustrian dan perdagangan di sekitar bandar raya Johor Bahru antaranya Bandar Baru Uda, Taman Sri Tebrau, Bandar Baru Permas Jaya, Taman Sentosa dan Taman Pelangi.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan, didapati sebanyak 10 waran F dikeluarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM 65,091.80. Hasil kutipan yang diperolehi daripada operasi yang dijalankan adalah sebanyak RM 63,546.60 tanpa berlakunya sebarang aktiviti sitaan barangan.

Seramai 24 anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru dari pelbagai jabatan dan 16 pengamal media terlibat dalam operasi sitaan ini. Antara jabatan yang terlibat termasuklah Jabatan Penilaian, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Undang-Undang dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.

Operasi yang diadakan saban tahun ini bertujuan memberi kesedaran terhadap pemilik pegangan tentang kepentingan membayar cukai harta dan impak sekiranya gagal berbuat demikian. Selain itu, pemilik pegangan juga wajar mengetahui tempoh atau penggal yang telah ditetapkan untuk pembayaran cukai harta dilakukan bagi mengelakkan harta pemilik disita oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.



AHLI MAJLIS BAHARU MBBJ ANGKAT SUMPAH

17 Julai 2019 – Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada dua orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru baharu yang telah mengangkat sumpah bagi penggal 2018/2019, seterusnya menandakan permulaan rasmi tugas untuk memberi perkhidmatan dan mewakili zon masing-masing.

Ahli Majlis baharu yang dilantik tersebut ialah Encik Syed Abdul Hamid bin Syed Zainal Abidin dan Encik Kumar a/l Doraisamy. Pelantikan kedua-dua Ahli Majlis ini menjadikan keseluruhan barisan Ahli Majlis MBBJ lengkap seramai 24 orang. Kedua-duanya telah menerima surat pelantikan sebagai Ahli Majlis, pengakuan menerima pelantikan serta akuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar antirasuah.

Turut hadir menyaksikan sesi angkat sumpah Ahli Majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Whip-whip Parti Ahli Majlis, Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan ketua-ketua jabatan MBBJ.





MBJB LAKSANA BANCIAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN

17 Julai 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melaksanakan program Bancian Lesen Premis Perniagaan di beberapa pusat perniagaan di sekitar Johor Bahru bagi tujuan menyemak dan mengenalpasti premis-premis perniagaan yang tidak mempunyai lesen niaga dalam bangunan komersil tersebut. Antara pusat perniagaan yang terlibat ialah *Holiday Plaza, Angsana Johor Bahru Mall* (24 Julai 2019) dan *KSL City Mall, Johor Bahru* (25 Ogos 2019). Bancian ini dilakukan bagi memberi pendedahan kepada para peniaga agar membuat permohonan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir di sesebuah kawasan. Turut hadir dalam program bancian ini ialah Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBJB yang disertai seramai 30 anggota dari Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan MBJB.

Berdasarkan hasil semakan, masih terdapat pemilik premis perniagaan yang tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah dan menyebabkan notis amaran terpaksa dikeluarkan berserta tindakan undang-undang (kompau) yang akan dikenakan sekiranya pemilik tersebut gagal memperoleh lesen yang sah dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bancian seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan warga bandar raya yang terlibat dalam kegiatan komersil supaya melaksanakan aktiviti perniagaan mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Sekitar Operasi Bancian Lesen Premis Perniagaan



Operasi di *Holiday Plaza, Johor Bahru*
Tarikh : 17 Julai 2019



Operasi di *Angsana Johor Bahru Mall*
Tarikh : 24 Julai 2019



Operasi di *KSL City Mall, Johor Bahru*
Tarikh : 25 Ogos 2019





SULTAN JOHOR BERKENAN MELAWAT LADANG NANAS

DI ULU TIRAM DALAM SIRI KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2019

22 Julai 2019 – Siri Kembara Mahkota Johor tahun ini menyaksikan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan keluarga diraja Johor merentasi 10 buah daerah dalam negeri Johor Darul Ta'zim dengan menunggang motosikal berkuasa tinggi, 'Harley-Davidson 2019 Road King Special Touring Bike'. Seperti tahun sebelumnya, siri kembara ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara keluarga diraja dan masyarakat setempat melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh rakyat.

Dalam siri kembara diraja kali ini, baginda Sultan Johor berkesempatan melawat dan melihat sendiri potensi penanaman syarikat pengeluaran nanas utama, *Kulim Pineapple Farm* yang dimiliki oleh *Johor Corporation* di Ulu Tiram, Johor iaitu salah sebuah kawasan dalam pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Penanaman nanas ini meliputi keluasan ladang kira-kira 305.5 hektar iaitu di Ulu Tiram, Kluang dan Mersing.

Penghasilan produk berasaskan nanas ini dijenamakan dengan nama 'Melita', mengukuhkan lagi pasaran buah-buahan ini untuk dieksport ke Timur Tengah, Korea Selatan, Jepun dan Eropah. Produk ini menggunakan kepelbagaian nanas jenis MD2, yang bukan sahaja manis, lazat tetapi juga tahan lama.



MBJB TERIMA KUNJUNGAN YB EXCO Pengerusi JAWATANKUASA PERDAGANGAN ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN UTILITI NEGERI JOHOR

29 Julai 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima kunjungan rasmi daripada YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Utiliti Negeri Johor bersama delegasi dari Pusat Pelaburan Negeri Johor ke organisasi ini. Lawatan kerja tersebut telah disambut oleh Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru, berserta barisan Ahli Majlis dan ketua jabatan MBBJ.

Melalui lawatan tersebut, YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse telah diberikan taklimat berkaitan kegiatan perindustrian yang kian pesat dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru serta isu-isu, cabaran dan hala tuju ke arah pembangunan perindustrian tersebut.

Delegasi lawatan juga berkesempatan melawat kawasan perindustrian baharu di *Eco Business Park 1*, Johor Bahru bagi melihat contoh pembangunan kawasan perindustrian moden dan serba canggih yang terdapat dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.





Lawatan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 11 Julai 2019

Objektif : Perkongsian maklumat tentang prosedur penguatkuasaan yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Jumlah peserta: 45 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Kesihatan, Bahagian Undang-Undang dan Bahagian Teknologi Maklumat



Lawatan dari Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh: 16 Julai 2019

Objektif : Mempelajari tatacara operasi penangkapan dan pelupusan anjing liar dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Jumlah peserta: 15 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Kesihatan



Info LAWATAN



Lawatan dari Majlis Perbandaran Kluang

Tarikh: 13 Ogos 2019

Objektif : Mempelajari amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan tatacara pelupusan barang-barang sitaan penguatkuasaan yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Jumlah peserta: 10 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Penguatkuasaan, Bahagian Undang-Undang dan Unit Dasar dan Inovasi.



Lawatan dari Majlis Perbandaran Kangar, Perlis

Tarikh: 27 September 2019

Objektif : Mempelajari tatacara membangun, mengurus dan menyelenggara kawasan rekreasi dan taman awam dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru antaranya Laman Mahkota, Laman Serene, Taman Merdeka dan Kebun Kejiranan KRT Jalan Padi Ria, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Jumlah peserta: 32 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Landskap.



Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan



Tarikh: 9 Julai 2019 – 10 Julai 2019

Objektif: Meningkatkan pengetahuan dan memberi kefahaman menyeluruh berkenaan penggunaan aset alih kerajaan berpandukan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

Jumlah Peserta: 68 orang

Kursus Komunikasi Berkesan



Tarikh: 14 Julai 2019 – 15 Julai 2019

Objektif: Mempelajari kaedah berkomunikasi dengan menggunakan elemen-elemen komunikasi dan mengendalikan pendapat awam (*public opinion*).

Jumlah Peserta: 43 orang

Kursus Peningkatan Kualiti Penguatkuasaan (Siri 2)



Tarikh: 16 Julai 2019 – 18 Julai 2019

Objektif: Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam tugas penguatkuasaan di samping mengatasi masalah 'toxic people', 'negative thinking' dan anggota yang bermasalah di tempat kerja.

Jumlah Peserta: 41 orang



Kursus Pengurusan Stor



Tarikh: 23 Julai 2019 – 24 Julai 2019

Objektif: Mempelajari tatacara mengurus stor dengan lebih berkesan serta dapat membezakan antara stok, harta modal dan inventori.

Jumlah Peserta: 48 orang

Kursus 'Oh My Quran'



Tarikh: 28 Julai 2019 - 29 Julai 2019

Objektif: Memperkenalkan kaedah asas dan pemudahcara dalam memahami asas tajwid Al-Quran dan menyemarakkan minat dalam pembedayaan Al-Quran.

Jumlah Peserta: 80 orang

Bengkel Penyediaan Dokumen-Innovative Creative Circle (ICC)




Tarikh: 4 Ogos 2019 – 5 Ogos 2019

Objektif: Memberi peluang kepada anggota mengasah bakat dan mencurahkan idea bagi menyelesaikan masalah dalam kerja.

Jumlah Peserta: 45 orang





'MAGIC SENSE RUN'

bersempena 'JB WAKE UP! CAR FREE DAY'

3 Ogos 2019 - Bagi mewujudkan integrasi antara golongan orang kelainan upaya (OKU) yang mempunyai masalah pendengaran dengan masyarakat normal melalui aktiviti sukan dan riadah, Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Persatuan Sukan Orang Pekak Johor dan AS Legacy Partner Malaysia telah mengadakan sebuah program larian amal 'Magic Sense Run' bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Program larian ini telah diadakan serentak dengan program 'JB Wake Up! Car Free Day', (hari bebas kenderaan) bersempena Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Johor. Penganjuran program ini bertujuan mengumpul dana bagi aktiviti pendidikan OKU ini dan sebagai persiapan Kontinjen Pekak Johor menghadapi Sukan Orang Pekak Malaysia kali ke-21 (SOPMA) yang akan diadakan pada tahun 2020 di Johor Bahru.

Pertandingan larian yang terbuka kepada warganegara Malaysia ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori A - lelaki dan wanita (dewasa) bagi jarak 7 KM, kategori B - lelaki dan wanita (veteran) bagi jarak 7 KM dan kategori C - pelajar lelaki dan wanita (berumur 18 tahun dan ke bawah) bagi jarak larian sejauh 5 KM.

Program ini telah dihadiri oleh Encik Mohd Yazid bin Bain, Pengarah Program 'Magic Sense Run', Encik Chan Kok Sheng, Presiden Persatuan Sukan Orang Pekak Johor, Encik Ong Shin Ruenn, Presiden Persatuan Orang Pekak Malaysia, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru, YB Dato' Seri Hj. Che Zakaria bin Mohd Salleh, ADUN Permas merangkap wakil rasmi Menteri Besar Johor ke program berkenaan.

Selain itu, terdapat selingan aktiviti lain yang turut diisi dalam program ini antaranya ialah 'zumba', liga kampung, sukan memanah, cabutan bertuah, jualan 'car booth' dan sebagainya.



'Walkabout' Datuk Bandar Johor Bahru ke Pasar-Pasar Malam di Johor Bahru

4 Ogos 2019 - Datuk Bandar Johor Bahru berkesempatan melakukan tinjauan (walkabout) di pasar-pasar malam dalam kawasan bandar raya Johor Bahru iaitu di Permas Jaya, Ulu Tiram dan Setia Indah. Tinjauan tersebut yang turut disertai oleh Ahli Majlis MBBJ di zon berkenaan bersama-sama Persatuan Peniaga dan Jawatankuasa Penduduk, bertujuan melihat usaha menjenamakan semula pasar malam di kawasan tersebut agar dapat menjadi contoh pada pasar-pasar malam di sekitar bandar raya Johor Bahru dari aspek kebersihan, imej dan pengurusan. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.





MBJB dan Rakan Agensi Sepakat Tangani Isu Kebakaran Hutan

6 Ogos 2019 – Susulan beberapa aduan kebakaran yang diterima pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula awal bulan April 2019 hingga 1 Ogos 2019 lalu, MBBJ bersama pihak Bomba dan Penyelamat, SAJ, SWCorp dan Pejabat Daerah telah membuat tindakan kontingensi bagi memadam kebakaran tersebut daripada terus berleluasa. Pihak MBBJ juga telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan kos menyewa jentera 'excavator' dan 'water tanker' sebanyak RM 71,400 bagi membantu pihak bomba dan penyelamat mengatasi isu kebakaran tersebut.

Operasi memadam kebakaran tersebut akan dibuat secara berterusan selama seminggu dan akan dipantau setiap hari oleh agensi yang berkenaan. Selepas tamat operasi ini, pihak MBBJ akan membuat penutupan laluan masuk ke tapak ini menggunakan penghadang konkrit supaya kejadian ini tidak berulang lagi.

Berdasarkan peruntukan undang-undang MBBJ, tindakan yang boleh dikenakan kepada pemilik atas kesalahan kacau ganggu ini menggunakan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) iaitu denda yang boleh dikenakan adalah maksimum sebanyak RM1,000.





Program 'Qurban'

Peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru 1440H/2019M

14 Ogos 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Program 'Qurban' Peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru buat kali ke-5 berturut-turut. Program korban yang telah dianjurkan sejak 2014 ini melibatkan seramai 130 anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru dari pelbagai jabatan dan bahagian. Pada tahun ini, sebanyak 11 ekor lembu dan tiga ekor kambing dikorbankan.

Proses penyembelihan telah dilakukan di Pusat Penyembelihan Kempas, Johor Bahru manakala proses melapah daging dilakukan di Stor Pusat Jabatan Khidmat Pengurusan MBBJ di Taman Mount Austin, Johor Bahru bermula jam 8.00 pagi. Selepas proses melapah, daging korban kemudiannya ditimbang sebelum dibawa ke Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Johor Bahru untuk proses pembahagian daging pada jam 1.00 tengah hari.

Sebanyak 2,200 bungkusan daging korban berjaya diagihkan kepada fakir dan miskin dalam kawasan pentadbiran MBBJ yang telah dikelolakan oleh pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru. Program tamat kira-kira jam 3.00 petang pada hari yang sama.



PERASMIAN MINGGU PENDIDIKAN KHAS DAERAH PASIR GUDANG

25 Ogos 2019 - YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru berkesempatan merasmikan Minggu Pendidikan Khas Daerah Pasir Gudang di Aeon Mall Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Objektif utama program ini bertujuan memberi pendedahan dan menarik perhatian masyarakat akan kehadiran murid-murid berkeperluan khas yang dikira istimewa dalam komuniti setempat. Dalam ucapan beliau, YB Dato' Bandar turut mengingatkan bahawa tugas mendidik dan membimbing murid-murid berkeperluan khas ini tidak seharusnya diletakkan di bahu para pendidik dan ibu bapa semata-mata, malah harus digalas bersama oleh semua pihak termasuklah pihak kerajaan, swasta mahupun pihak persendirian.



MBJB RAIH JOHAN KESELURUHAN DALAM ACARA PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-62

31 Ogos 2019 – Sempena meraikan bulan kemerdekaan negara tahun ini dengan tema 'Sayangi Malaysiaku', kontinjen MBBJ tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama menyertai Majlis Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke-62 Peringkat Negeri Johor bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Majlis sambutan tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Johor. Sebanyak 130 kontinjen yang mewakili agensi kerajaan persekutuan, negeri dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah menyertai acara perbarisan ini yang diadakan bermula jam 7 pagi.

Menerusi pertandingan tersebut, kontinjen MBBJ berjumlah 33 orang telah berjaya meraih gelaran Johan Keseluruhan bagi Kategori Perbarisan Terbaik (Jabatan Kerajaan) dengan pulangan wang tunai berjumlah RM 3,000.00. Tahniah dan syabas diucapkan!



SEKITAR ACARA PERBARISAN...



KILAS



Sesi Perundingan 'Focus Group Discussion' Kajian Rancangan Kawasan (RKK) Bandar Ulu Tiram

8 OGOS 2019 : Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru telah menyempurnakan perasmian Sesi Perundingan 'Focus Group Discussion' Kajian Rancangan Kawasan (RKK) Bandar Ulu Tiram bertempat di Hotel KSL & Resort Johor Bahru. Sesi perundingan dan perbincangan ini dilakukan atas kesedaran mengenai kepentingan serta potensi bandar Ulu Tiram di Johor Bahru sebagai salah sebuah pusat pertumbuhan pembangunan yang semakin berkembang pesat. MBBJ juga telah mengambil inisiatif menyediakan satu pelan pembangunan dan strategi pengurusan yang khusus dan lebih berkesan melalui kajian RKK tersebut. Program ini telah disertai pelbagai pihak profesional daripada agensi kerajaan dan swasta serta penduduk setempat.



Pelepasan (Flag Off) Konvoi 'Discover Darul Ta'zim' & Kayuhan Kemerdekaan di 'Zero Mile'



30 OGOS 2019 : Pelepasan 50 buah konvoi bermotor dan program berbasikal ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor disaksikan oleh Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru, Puan Hajah Zihan binti Ismail, Pengarah Tourism Johor dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru. Penyertaan acara konvoi ini disertai oleh warga bandar raya Johor Bahru dan Kelab Basikal. Program ini bertujuan menggalakkan warga bandar raya membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan mempromosi 'Tahun Melawat Johor 2020' bagi menggalakkan pelancong dari dalam dan luar negara menjadikan Johor Bahru sebagai salah sebuah destinasi pelancongan.



Perasmian Jalan Baru dari Taman Desa Cemerlang ke Taman Ehsan Jaya, Johor Bahru

17 SEPTEMBER 2019 : Perasmian projek pembinaan jalan baharu sepanjang 840 meter ini melibatkan Jalan Lingkaran Tengah Daerah Johor Bahru dengan menghubungkan trafik dari Senai ke Pasir Gudang. Pewujudan jalan baharu ini secara tidak langsung memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya dari kawasan taman yang berdekatan iaitu dari Taman Desa Cemerlang, Taman Perindustrian Cemerlang, Taman Desa Jaya, Taman Ehsan Jaya, Taman Johor Jaya dan Taman Perindustrian Tropika untuk menggunakan laluan baharu tersebut tanpa menghadapi kesesakan lalu lintas yang teruk berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, jalan baharu ini juga bakal menjadi jalan alternatif bagi pengguna jalan raya dari Ulu Tiram dan Kota Tinggi menghala ke Pasir Gudang, sekali gus mengurangkan kesesakan trafik di laluan tersebut.





Majlis 'Townhall' Peniaga Bazar JB 2019

18 Ogos 2019 – Sebuah sesi 'townhall' bersama peniaga Bazar JB berorientasikan taklimat dan sesi soal jawab telah diadakan bertempat di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru. Sesi 'townhall' yang dipengerusikan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru itu diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada sejumlah 329 peniaga berkenaan beberapa perkara dan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang menjalankan perniagaan di Bazar JB.

Antara perkara yang menjadi isu dalam taklimat tersebut termasuklah perihal kadar 'fi', waktu operasi, tunggakan bayaran lesen perniagaan, kebersihan tapak, kenderaan yang ditinggalkan dan lain-lain. Pematuhan terhadap peraturan dan syarat ini adalah perlu berikutan penerimaan kes aduan yang diterima pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru mengenai longgokan sisa sampah, pembukaan khemah sebelum waktu operasi serta tidak mengikut keluasan tapak, gangguan tempat letak kereta awam dan sebagainya.

Bazar JB ditubuhkan pada 10 Januari 2009 bertujuan menghidupkan suasana pusat bandar Johor Bahru dan menyediakan peluang perniagaan kepada warga Johor Bahru melalui pelbagai jenis perniagaan antaranya barangan antik, pakaian, barangan kulit, barangan *preloved* dan sebagainya.



Perasmian Program Publisiti & Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian MBBJ (Kajian Semula) 2025

22 Ogos 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan Majlis Perasmian Program Publisiti & Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian (Kajian Semula) 2025 & Sesi 'Town Hall' bersama Pekilang-Pekilang dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Negeri Johor, diiringi oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Turut hadir dalam program tersebut ialah wakil dari agensi-agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor, pihak pemaju, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pekilang-pekilang dan Ahli Majlis MBBJ.

Program ini bertema ke arah menyediakan persekitaran kondusif, mampan, bersih dan selamat dalam kawasan perindustrian Majlis Bandaraya Johor Bahru. Penganjuran program ini bertujuan memberi peluang kepada pekilang-pekilang dan pihak berkepentingan untuk melibatkan diri dengan memberi pandangan, maklum balas dan idea bagi memajukan kawasan perindustrian dan akan diambilkira dalam penyediaan draf rancangan kawasan khas perindustrian MBBJ.



Tarikh : 13 Julai 2019

1



Program Prihatin Bandaraya Zon Plentong dan Taman Rinting di Rumah Pangsa Daisi, Plentong

Tarikh: 13 Julai 2019

2



Program Komuniti Zon Kebun Teh di Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh

Tarikh : 20 Julai 2019

3



Gotong - Royong Bersih Pantai Zon Permas Jaya di Pantai Senibong

Tarikh : 26 Julai 2019

4



Gotong-Royong Zon Tiram di Felda Ulu Tebrau

Tarikh : 11 Ogos 2019

5



Program 'Korban' di Masjid Bandar Baru Uda

Tarikh : 17 Ogos 2019

6



Mini Karnival Merdeka di Pasar Kampung Melayu

Program ZON AHLI MA



Tarikh : 6 September 2019

7



Pesta Tanglung Zon Setia Austin di Taman Gaya

Tarikh : 7 September 2019

8



Program Bersihkan Pantai Zon Stulang di Pantai Stulang

Tarikh : 14 September 2019

9



Pesta Tanglung Zon Johor Jaya di Jalan Teratai, Taman Johor Jaya

JLIS & LAZ1



Tarikh : 16 September 2019

10



Sambutan Hari Malaysia Zon Bandar Dato' Onn di Caryota Square, Taman Setia Tropika

Tarikh : 20 September 2019

11



Pesta Tanglung Zon Pelangi Indah di Jalan Beladau, Taman Putri Wangsa



'LAMAN JAUHAR' MBBB HIASI ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019

29 - 30 Ogos 2019 - Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menyertai 'Royal Floria Putrajaya 2019' dengan menampilkan landskap bertemakan 'Laman Jauhar' untuk dipersembahkan kepada pengunjung dan para juri profesional dalam program tersebut.

Penciptaan 'Laman Jauhar' ini diilhamkan dari Rumah Limas Johor, yang melambangkan ciri-ciri tradisional rumah negeri Johor. 'Jauhar' pula merupakan nama terdahulu bagi negeri Johor yang diambil daripada perkataan Arab yang bermaksud 'Permata Berharga' sekali gus melambangkan identiti dengan keindahan sebenar laman tersebut yang mempunyai nilai tersendiri yang berasaskan konsep kemelayuan.

Hiasan laman dan landskap lembut yang digunakan berkonsep pokok tropikal di kampung yang lazimnya digunakan oleh masyarakat Melayu. Konsep hiasan ini juga digabungkan dengan tumbuh-tumbuhan seperti orkid dan bonsai sebagai pokok utama yang sinonim dengan masyarakat Melayu dan negeri Johor.



MBBB SERTA KOLABORASI ANJUR HARI DENGGI ASEAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2019



8 September 2019 - Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor meraikan sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Negeri Johor 2019 yang diadakan di Dewan Muafakat Johor, Taman Adda, Johor Bahru. Program sambutan ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor disaksikan oleh YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru dan dif-dif kehormat yang lain.

Antara program dan aktiviti yang diadakan bersempena sambutan ini termasuklah persidangan inovasi denggi, 'booth' pameran daripada agensi kerajaan dan swasta, pertandingan video pendek, pertandingan photo voice 'End Dengue: Starts With Me', Search and Destroy (SND) dan banyak lagi.

Bertemakan 'End Dengue: Starts With Me', tema ini adalah selari dengan satu daripada empat mesej advokasi denggi yang dipersetujui oleh negara-negara ASEAN, iaitu 'Calling to Action From All'. Sambutan Hari Denggi ASEAN memfokuskan sasarannya dalam kalangan anggota kesihatan, agensi-agensi kerajaan dan swasta, sukarelawan kesihatan, pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi awam (IPT), badan bukan kerajaan (NGO) dan pengamal media.

Sambutan ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran akan kesan serius wabak demam denggi dengan mengetengahkan strategi-strategi dan inovasi yang berkesan dalam usaha pencegahan dan kawalan wabak denggi disebabkan nyamuk Aedes.



Program **'ECO FRENZ' , PUPUK SIKAP CINTAI ALAM SEKITAR**

16 September 2019 – Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjayakan Program 'Eco Frenz' bersama anak syarikatnya, Century Bond Berhad di Taman Bunga Raya, iaitu salah sebuah taman awam milik Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Program berasaskan penanaman sebanyak 100 pokok daripada pelbagai spesies di taman ini menunjukkan usaha agensi ini untuk menghijaukan taman rekreasi tersebut di samping menyemai kesedaran orang awam untuk melestarikan keindahan alam sekitar.

Turut hadir dalam program tersebut ialah YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Puan Suzila Khairuddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perangsang Selangor dan peserta-peserta yang terdiri daripada komuniti setempat dan agensi termasuklah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Alam Sekitar dan Kelab Media Johor.



Program **CERAMAH PERDANA : SANTAI ILMU**

19 September 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim serta PUSPANITA Negeri Johor telah mengadakan program ceramah perdana di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor. Dalam program ini, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor telah berkenan untuk berangkat hadir bersama-sama Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor bagi menghadiri program ceramah tersebut.

Seramai 3,000 hadirin yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, madrasah, pelajar-pelajar sekolah serta orang awam telah hadir bagi mendengar ceramah perdana yang bertajuk 'Generasi Berhemah, Generasi Cemerlang' yang disampaikan oleh penceramah terkenal iaitu Al-Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid (Pengerusi Yayasan Ar-Ri'ayah).





Mesyuarat Agung Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru di Auditorium JOTIC, Johor Bahru

Tarikh: 4 Julai 2019



Larian Sultan Ibrahim Girl School (SIGS) sempena 80 tahun

Tarikh: 13 Julai 2019



Perasmian Pameran Hartanah di Johor Bahru City Square

Tarikh: 18 Julai 2019



'Dataran Recreational Day' di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 26 Julai 2019



Pelepasan Konvoi 'The Last Overland' Singapore-London di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 25 Ogos 2019



Majlis Meraikan Pesara & Anugerah Kecemerlangan Pelajar anjuran PPPJB di Sangkar Kristal Johor Bahru

Tarikh: 29 Ogos 2019





Malam Ambang Kemerdekaan di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 30 Ogos 2019



Karnival Maal Hijrah di Dewan Jubli Perak Bandar Baru Uda, Johor Bahru

Tarikh: 30 Ogos 2019



Malam Rekreasi dan Puisi Bandar Raya di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 27 September 2019



Majlis Penghargaan Kecemerlangan dan Kejayaan Warga Kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru

Tarikh: 29 September 2019



Larian Amal 'Cancer Run' Johor Bahru

Tarikh: 28 September 2019



Program Kelestarian Bebas Denggi, Sampah Sarap dan Pencemaran Udara di Taman Bukit Kempas, Johor Bahru

Tarikh: 28 September 2019





Majlis Makan Malam Amal

SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



MBJB RAIKAN

PARA PENYUMBANG DANA DALAM MAJLIS MAKAN MALAM AMAL

22 September 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Makan Malam Amal Sempena Sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor. Antara tetamu kehormat yang hadir memeriahkan majlis ini ialah YAB Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal, Menteri Besar Johor selaku wakil rasmi DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Turut hadir, YB Menteri Dalam Negeri, YB Setiausaha Kerajaan Johor, barisan Exco Kerajaan Negeri Johor, Ahli-Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, mantan-mantan Datuk Bandar Johor Bahru serta tetamu-tetamu kehormat yang lain.

Pengumpulan dana amal ini adalah berkonsep penjualan meja yang dibahagikan kepada empat kategori jualan yang menunjukkan nilai sumbangan dana masing-masing iaitu kategori *Platinum* (RM 100,000 seunit), *Gold* (RM 50,000 seunit), *Silver* (RM 30,000 seunit) dan *Bronze* (RM 10,000 seunit). Jumlah keseluruhan kutipan dana pada majlis ini adalah sebanyak RM 1.5 juta hasil sumbangan daripada lebih 60 badan-badan korporat dan swasta untuk disalurkan kepada badan-badan kebajikan di negeri Johor khususnya di bandar raya Johor Bahru.

Dana yang terkumpul akan disumbangkan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan di negeri Johor antaranya Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Persatuan Down Syndrome Johor Bahru dan lain-lain.





SUKAN

BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di bawah Bahagian Sukan, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan telah menganjurkan pertandingan sukan antara jabatan bagi mencari dan menyerlahkan bakat anggota yang cemerlang dalam penglibatan acara sukan mewakili PBT ini sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Berikut adalah keputusan bagi acara sukan yang dipertandingkan di peringkat jabatan dalam MBJB. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang telah menyertai acara sukan antara jabatan ini.



**Sukan Bowling di Pelangi Leisure Mall,
Johor Bahru**
Tarikh: 11 Julai 2019

Kategori: Beregu Lelaki, Beregu Wanita dan Trio
Johan: Jabatan Penguatkuasaan
Naib Johan: Jabatan Kejuruteraan
Tempat Ketiga: Jabatan Penilaian
Tempat Keempat: Jabatan Kesihatan



**Sukan Bola Jaring di Dewan Muafakat Taman
Adda, Johor Bahru**
Tarikh: 25 Julai 2019

Johan: Jabatan Landskap
Naib Johan: Jabatan Penilaian
Tempat Ketiga: Jabatan Kesihatan
Tempat Keempat: Jabatan Pengurusan



**Sukan Ping Pong di Dewan Sri Tebrau,
Johor Bahru**
Tarikh: 22 Ogos 2019

Kategori: Beregu Pegawai, Beregu Veteran, Beregu Lelaki, Beregu Wanita dan Perseorangan Lelaki
Johan: Jabatan Landskap
Naib Johan: Jabatan Penguatkuasaan
Tempat Ketiga: Jabatan Penilaian



Kejohanan Tinju Piala Datuk Bandar
Tarikh: 26 - 31 Ogos 2019

Seramai 100 peninju (profesional dan amatir) turut serta dalam kejohanan ini termasuklah peninju dari Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina dan Malaysia (Johor & Pulau Pinang). Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan, diiringi oleh YB Dato' Haji Amran bin A.Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

☎ 07-219 8000

AHAD-RABU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

KHAMIS
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

WAKTU REHAT
1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

AHAD-RABU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

KHAMIS
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

☎ 07-386 1535

AHAD-RABU
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

KHAMIS
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Geral, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta dan Aduan Awam)

☎ 07-357 3314

AHAD-RABU
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

KHAMIS
9.00 PAGI - 3.00 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

☎ 07-351 1503

AHAD - KHAMIS
1.00 TENGAH HARI - 10.00 MALAM

JUMAAT & SABTU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

WAKTU REHAT
7.00 MALAM - 8.00 MALAM (AHAD-KHAMIS) &
12.15 TENGAH HARI - 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)

KELEPASAN AM
TUTUP

KAUNTER BERGERAK

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)
Sila layari laman web MBBJ (www.mbjb.gov.my) untuk jadual perkhidmatan terkini

NO. TEL. WAKTU PEJABAT
07-219 8077

NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK
019-720 3290

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR

(Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS

AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM

MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS

DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
----------------------------	-------------------------

TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.

No. Tel : 07-219 8000 Faksimile: 07-223 0619

Talian Bebas Tol: 1-300-88-0146

Whatsapp Aduan: 019-778 8212

Laman SISPAA: mbjb.spab.gov.my

E-mel: info@mbjb.gov.my

ISSN 2637-1034



9 772637 101009